

PERMASALAHAN PELAKSANAAN UNDANG-UNDANG MUAMALAH DI MAHKAMAH SIVIL

Mohammad Azam Hussain¹
Universiti Utara Malaysia

ABSTRAK

Perkembangan positif operasi perbankan dan takaful yang berlandaskan hukum Syarak memperlihatkan bahawa sistem Muamalah Islam kini berupaya menyaangi sistem konvensional di Malaysia. Namun, seandainya diteliti secara mendalam, urusan Muamalah Islam yang dipraktikkan adalah lebih tertumpu kepada aspek operasi sahaja yang berlandaskan Islam sebaliknya tidak aspek perundangan. Apabila timbul pertikaian, Mahkamah Sivil yang akan memutuskan dan bukannya Mahkamah Syariah. Perkara ini sewajarnya tidak berlaku lantaran negara Malaysia yang mempunyai dwi sistem perundangan iaitu Sivil dan Syariah. Lataran itu, sudah pastilah berlaku pertentangan prinsip perundangan dalam kes-kes yang melibatkan urusan Muamalah Islam. Ini memperlihatkan kejanggalan dalam undang-undang Muamalah apabila menerima pakai undang-undang sivil dalam kes-kes Muamalah. Kertas kerja ini akan membincangkan permasalahan yang timbul serta implikasinya terhadap sistem perundangan Islam amnya dan sistem Muamalah Islam khususnya apabila kes-kes ini dibicarakan di Mahkamah sivil melalui kajian ke atas beberapa kes yang telah diputuskan di Mahkamah Sivil.

1. PENGENALAN

Perundangan Islam adalah meliputi keseluruhan prinsip keadilan sosial termasuklah aspek perundangan, amalan, peraturan serta tatacara yang selaras dengan kehendak Syarak. Begitulah juga halnya dengan transaksi Muamalah Islam mestilah berlandaskan kepada hukum Syarak. Segala elemen yang bertentangan dengan Syarak mestilah dihindarkan. Perolehan keuntungan melalui jual-beli yang sah adalah halal dan sebaliknya keuntungan yang diperolehi melalui amalan riba adalah haram.

Penubuhan Lembaga Urusan Tabung Haji (kini dikenali Lembaga Tabung Haji) pada tahun 1963 merupakan langkah awal perkembangan institusi kewangan Islam di Malaysia. Pada dasarnya, institusi itu adalah memberi kemudahan kepada umat Islam membuat simpanan sebagai persediaan menuaikan ibadat haji. Namun hakikatnya, institusi ini adalah merupakan langkah awal penerapan sistem kewangan Islam di Malaysia (Ahmad Ibrahim, 2000).

Ini diikuti dengan penubuhan Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) pada 1 Julai 1983. Seterusnya penubuhan Syarikat Takaful Malaysia Berhad pada tahun 1984. Kini, bukan sahaja Bank Islam Malaysia Berhad menawarkan produk-produk perbankan Islam, institusi-institusi kewangan lain seperti Bank Muamalat, Hong Leong Bank, Maybank dan sebagainya, turut menawarkan produk-produk perbankan Islam kepada para pelanggan mereka seperti *Mudharah*, *Murabahah*, *Ijarah*, *Musyarakah*, *Bai' Bithaman Ajil* dan sebagainya lagi mula diperkenalkan (Akauntan Nasional, Nov/Dec 2000).

Tidak dinafikan bahawa sistem Muamalah Islam beroperasi di Malaysia dengan berlandaskan kepada hukum Syarak. Namun apabila berlaku pertikaian, Mahkamah Sivil yang akan memutuskan kes-kes tersebut. Penulis akan menjuruskan perbincangan dalam kertas kerja ini dengan mengutarkan beberapa kes berkaitan dengan urusan perbankan Islam yang telah diputuskan di Mahkamah Sivil. Seterusnya meneliti masalah-masalah yang timbul daripada kes-kes itu apabila Mahkamah Sivil yang menjadi medan memutuskan pertikaian melibatkan undang-undang Muamalah Islam.

¹ Fakulti Pengurusan Awam dan Undang-undang

2. KEDUDUKAN UNDANG-UNDANG ISLAM DI MALAYSIA

Perkara 3(1) Perlembagaan Persekutuan menetapkan bahawa Islam adalah merupakan agama rasmi bagi Persekutuan. Namun Perlembagaan Persekutuan tidak menetapkan bahawa Undang-undang Islam akan menjadi undang-undang negara. (Mahmud Saedon A. Othman, 1998). Perkara 74(2) menjelaskan bahawa perkara-perkara berkaitan dengan agama Islam adalah terletak di bawah bidang kuasa negeri-negeri dan bukannya Persekutuan. Ruang lingkup bidang kuasa yang diberikan adalah merujuk kepada Jadual Kesembilan, Senarai 2 (Senarai Negeri). Skop Undang-undang Islam yang dibenarkan dapat dikelaskan seperti berikut (Suwaid Tapah, 1993);

- a) Undang-undang Keluarga: meliputi aspek pembentukan keluarga dan perkara-perkara berkaitan dengan kekeluargaan dalam Islam.
- b) Baitulmal, Zakat Fitrah dan Harta Wakaf: meliputi penubuhan Baitulmal, pengumpulan zakat dan fitrah serta pengurusan harta-harta wakaf orang Islam.
- c) Masjid-masjid: melibatkan pengurusan masjid-masjid.
- d) Kesalahan-kesalahan: melibatkan kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh orang Islam sebagaimana yang ditetapkan oleh Akta-akta dan Enakmen-enakmen yang berkaitan seperti kesalahan tidak menunaikan sembahyang Jumaat, meminum minuman yang memabukkan, tidak berpuasa di bulan Ramadhan serta khalwat.
- e) Mahkamah-mahkamah Syariah dan Bidang Kuasa: melibatkan penubuhan, pentadbiran serta bidang kuasa Mahkamah-mahkamah Syariah.
- f) Kawalan pengembangan ajaran agama;
- g) Hal-hal mengenai fatwa.

Walaupun kuasa diberikan kepada negeri-negeri, namun pihak berkuasa negeri masih terikat dengan peruntukan dalam perkara 4(1) Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan bahawa mana-mana undang-undang yang digubal sekiranya bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan adalah terbatas setakat yang berlawanan (Mahmud Saedon A. Othman, 1998). Seraca ringkasnya, dapat diperhatikan bahawa bidangkuasa perundangan Islam yang diperaktikkan di Malaysia adalah terbatas.

3. BIDANG KUASA MAHKAMAH SYARIAH DI MALAYSIA

Berdasarkan kepada Senarai 2, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan, bidang kuasa dan perjalanan urusan berkaitan Mahkamah Syariah adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan-kerajaan Negeri meliputi jenayah dan sivil (Ahmad Mohamed Ibrahim, 1997). Penubuhan dan perjalanan urusan perundangan adalah tertakluk kepada Enakmen-enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah bagi setiap negeri. Sebagai contohnya Enakmen Mahkamah Syariah Kedah, 1993, Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah Syariah Kelantan, 1982 dan Enakmen Mahkamah Syariah Terengganu, 1989.

Mahkamah Syariah mempunyai bidang kuasa jenayah berkaitan dengan kesalahan-kesalahan yang melibatkan perlakuan seks yang dilarang seperti khalwat, berzina, meminum minuman keras, menyebarkan ajaran songsang, tidak membayar zakat dan fitrah, tidak menunaikan sembahyang Jumaat dan tidak berpuasa di bulan Ramadan.

Manakala di bawah bidang kuasa sivil pula, Mahkamah Syariah berbidang kuasa dalam hal-hal berkaitan dengan;

- a) pertunangan, perkahwinan, perceraian, pembatalan perkahwinan atau perpisahan secara undang-undang;
- b) sebarang pelepasan hak, tuntutan hak, harta benda yang terlibat di dalam hal-hal yang berkait dengan urusan perkahwinan seperti di atas;
- c) pemberian nafkah orang dalam tanggungan, keesahan, penjagaan atau hak penjagaan bayi;
- d) pembahagian, atau tuntutan harta sepencarian;
- e) penentuan terhadap orang-orang yang berhak mewarisi harta si mati yang menganut agama Islam atau bahagian harta yang berhak diwarisi oleh orang-orang yang berkenaan;
- f) wasiat atau pemberian terus dari si mati yang menganut agama Islam;
- g) pemberian *inter vivos*, pembayaran yang telah dibuat bukan dalam bentuk wang atau tanpa mengambil kira persamaan nilai wang oleh seseorang yang menganut agama Islam;
- h) wakaf atau nazar; dan
- i) hal-hal lain yang diperakukan dalam mana-mana bidangkuasa undang-undang secara bertulis.

Perkara-perkara di atas sahaja yang Mahkamah Syariah mempunyai kuasa untuk membicarakannya. Manakala selain daripada itu adalah tertakluk di bawah bidangkuasa Mahkamah Sivil (Mahmood Zuhdi Abd. Majid, 1997). Undang-undang Islam yang boleh dilaksanakan dan dikuatkuasakan adalah sempit iaitu undang-undang keluarga dan diri sahaja yang berkuatkuasa ke atas orang Islam sahaja. Mahkamah Syariah hanyalah berbidang kuasa setakat yang diberikan oleh Undang-undang Persekutuan (Mahmud Saedon A. Othman, 1998).

4. UNDANG-UNDANG MUAMALAH DI MALAYSIA

Kewujudan kontrak-kontrak berdasarkan hukum Syarak yang ditawarkan melalui sistem perbankan Islam menunjukkan bahawa Undang-undang Muamalah berjalan di Malaysia. Antaranya kontrak-kontrak berbentuk *mudharabah*, *musyarakah*, *wadiah*, *bai' bi-thaman 'ajil* dan sebagainya lagi. Begitu juga dengan kewujudan skim insurans yang berlandaskan kepada kepada hukum Syarak seperti *Takaful* (Mohd. Daud.Bakar, 1997).

Seksyen 2 Akta Bank Islam 1983 menjelaskan maksud “*perniagaan bank Islam*” iaitu perniagaan bank yang tujuan dan pengendaliannya tidak melibatkan elemen yang tidak diluluskan oleh Syarak. Seksyen 3(5) pula memperuntukkan bahawa Bank Negara atau Menteri berkaitan boleh tidak mengeluarkan lesen melainkan berpuashati bahawa tujuan dan pengendalian perniagaan bank itu tidak terlibat dengan elemen-elemen yang dilarang oleh Syarak. Begitu juga mestilah diwujudkan suatu Badan Penasihat Syariah dalam pengendalian urusan perbankan agar selari dengan hukum Syarak.

Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) telah membuat penegasan bahawa institusi tersebut akan menjalankan urusniaga yang berlandaskan kepada prinsip-prinsip Muamalah Islam. (Penyata Tahunan Bank Islam Malaysia Berhad Tahun 1985). Begitu juga di dalam memorandum persatuannya menyatakan bahawa semua transaksi perniagaan adalah berdasarkan kepada prinsip-prinsip Syarak. Segala urusan dan pengendalian syarikat mestilah sah di sisi Syarak (Bank Islam Malaysia Berhad, 1994).

Selain daripada sistem perbankan Islam, kewujudan skim insurans Takaful yang berlandaskan hukum Syarak telah menjadi alternatif kepada umat Islam dan tidak lagi bertumpu kepada skim insurans konvensional. Skim insurans Takaful yang ditawarkan adalah berdasarkan kepada Akta Takaful 1984.

Berdasarkan seksyen 2 Akta Takaful 1984, istilah “*takaful*” bererti suatu skim yang berdasarkan persaudaraan, perpaduan dan bantuan bersama yang menyediakan pertolongan dan bantuan kewangan kepada peserta-peserta jika diperlukan di mana peserta-peserta sama-sama bersetuju untuk memberi sumbangan bagi maksud itu. Manakala “*perniagaan takaful*” pula merupakan perniagaan yang tujuan dan kendaliannya tidak melibatkan apa-apa unsur yang tidak diluluskan oleh Syariah.

Seksyen 8 (5) memperuntukkan bahawa pendaftaran perniagaan takaful boleh ditolak sekiranya ada melibatkan apa-apa unsur yang bersalahan dengan Syarak. Begitu juga mestilah ditubuhkan Lembaga Pengawasan Syariah yang akan menasihat serta mengawasi pengendali perniagaan takaful agar selari dengan Syarak. Seksyen 11(1)(a) membenarkan perintah pembatalan pendaftaran dikeluarkan sekiranya didapati pengendali takaful menjalankan perniagaan yang melibatkan unsur-unsur yang bertentangan dengan Syarak. Seksyen 13 (2) memperuntukkan bahawa sebarang pelaburan yang dilakukan mestilah tidak bersalahan dengan Syarak. Seksyen 13(7) pula menjelaskan maksud “*sekuriti*” termasuklah apa-apa bentuk pelaburan yang tidak bertentangan dengan Syariah.

Peruntukan-peruntukan Akta Bank Islam 1983 dan Akta Takaful 1984 di atas menjelaskan bahawa segala urusan perbankan Islam dan perniagaan takaful yang dijalankan mestilah sejajar dengan hukum Syarak.

5. KES-KES BERKAITAN MUAMALAH YANG TELAH DIPUTUSKAN DI MAHKAMAH SIVIL

Terdapat beberapa kes yang telah diputuskan di Mahkamah Sivil meliputi kes-kes yang dilaporkan dan juga kes-kes yang tidak dilaporkan. Dalam perbincangan ini, penulis hanya membawakan tiga kes sahaja sebagai rujukan.

Kes Tinta Press Sdn. Bhd. lwn Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) (1987) CLJ 1, 474.

Dalam kes ini, Tinta Press Sdn. Bhd. telah memasuki satu perjanjian dengan Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB). Di dalam perjanjian ini Tinta Press telah bersetuju untuk menyewa mesin pencetak dari Bank Islam dengan syarat tertentu. Kemudiannya Tinta Press telah mungkir pembayaran kepada Bank Islam. Bank Islam telah mengambil tindakan di Mahkamah untuk mengambil semula mesin pencetak itu di atas kemungkiran Tinta

Press dan menuntut baki sewaan yang belum dibayar. Bank Islam telah mengambil satu tindakan injunksi bagi mendapatkan kembali mesin pencetak itu dari pemilikan dan kawalan Tinta Press. Permohonan injunksi itu dibenarkan oleh Mahkamah. Tinta Press tidak berpuas hati dengan keputusan Mahkamah Sesyen itu lalu merayu kepada Mahkamah Tinggi supaya membatalkan perintah injunksi itu. Walaubagaimanapun, rayuan itu ditolak oleh Mahkamah Tinggi. Tinta Press merayu ke Mahkamah Rayuan. Rayuan juga ditolak. Lalu Tinta Press merayu kepada Mahkamah Agung.

Alasan mengapa Bank Islam tidak layak mendapatkan perintah injunksi itu adalah, menurut Tinta Press, perjanjian yang dimasuki oleh mereka itu bukan satu perjanjian sewa tetapi suatu perjanjian pinjaman. Mahkamah Agung menolak alasan ini dengan menyatakan bahawa perhubungan antara Bank Islam dan Tinta Press merupakan suatu perhubungan antara penyewa dan tuan punya barang. Tinta Press hanya menyewa mesin itu tertakluk kepada bayaran sewaan yang perlu dibayar oleh Tinta Press setiap bulan kepada Bank Islam. Hakmilik mesin itu masih lagi dalam tangan Bank Islam. Hakmilik itu akan berpindah kepada Tinta Press sekiranya Tinta Press mematuhi dan membayar kesemua bayaran yang kena bayar menurut perjanjian yang telah dimasuki oleh mereka.

Kes Bank Islam Malaysia Berhad lwn Adnan b. Omar (Kuala Lumpur High Court Civil Suit No S3-22-101-91)

Kes ini dibicarakan di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur tetapi tidak dilaporkan. Dalam kes ini Adnan b. Omar telah memohon pinjaman dari Bank Islam Malaysia Berhad untuk membeli sekeping tanah. Adnan b. Omar dan Bank Islam telah memasuki satu perjanjian Bai' Bithaman Ajil (BBA) di mana Bank Islam bersetuju untuk membeli tanah itu dengan harga RM 265,000.00 dan menjualnya kepada Adnan b. Omar dengan harga RM 583,000.00. Tanah itu telah dicagarkan kepada Bank Islam. Adnan b. Omar perlu membayar ansuran bulanan dengan jumlah tertentu selama 180 bulan. Adnan b. Omar gagal untuk membayar ansuran itu. Bank Islam lalu mengambil tindakan di Mahkamah Tinggi untuk menjual tanah itu.

Dalam memutuskan pertikaian tersebut beberapa isu telah timbul:

- (a) Sama ada Mahkamah Tinggi ada bidang kuasa untuk mendengar permohonan Bank Islam;
- (b) Sama ada Bank Islam boleh menuntut keseluruhan jumlah wang yang dihutangi oleh Adnan b. Omar;
- (c) Sama ada Adnan b. Omar berhak mendapat *muqassah* (pengurangan bayaran);
- (d) Sama ada perjanjian perbankan Islam tertakluk kepada Undang-undang Sivil; dan
- (e) Sama ada Mahkamah Sivil boleh menukar tatacara undang-undang prosedur dalam menangani transaksi perbankan Islam.

Berdasarkan kepada isu-isu di atas, dihujahkan:

Isu (a) - Mahkamah Syariah hanya mempunyai bidang kuasa di dalam Senarai 2, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan sahaja bukan Senarai 1. Di dalam Senarai 2 itu tidak diperuntukkan bahawa Mahkamah Syariah mempunyai bidang kuasa dalam undang-undang komersil. Mahkamah Syariah hanya boleh membicarakan kes sekiranya kes itu melibatkan orang Islam sahaja. Bank Islam bukan merupakan orang Islam, maka Mahkamah Syariah tidak ada bidang kuasa dalam hal ini. Menurut seksyen 5(1) Akta Undang-undang Sivil 1956, undang-undang yang terpakai untuk perbankan hanyalah Undang-undang Inggeris dan bukan Undang-undang Islam. Begitu juga menurut seksyen 3 Akta Undang-undang Sivil 1956, sekiranya tiada peruntukan undang-undang bertulis mengenai sesuatu perkara maka mahkamah mempunyai budi bicara menggunakan Common Law dan Ekuiti Inggeris.

Isu (b) - Bank Islam berhak utk mendapatkan keseluruhan jumlah wang yang telah tertunggak kerana ia adalah perjanjian yang telah dipersetujui oleh Adnan b. Omar dan dia sewajibnya mematuhi perjanjian itu.

Isu (c) - Adnan b. Omar tidak berhak mendapat *muqassah* kerana *muqassah* hanya terpakai jika dia menyelesaikan hutangnya lebih awal dan bergantung kepada budibicara pemilik. Dalam kes ini, berlaku kemungkinan, jadi dia tidak berhak mendapat *muqassah*.

Isu (d) - Perbankan Islam masih lagi perlu mematuhi Undang-undang Sivil seperti Undang-undang Kontrak 1950, Kanun Tanah Negara 1965, Akta Jualan Barang 1957. Begitu juga jika melibatkan komoditi maka ia masih tertakluk kepada Akta Komoditi dan lain-lain Akta yang digubal oleh Suruhanjaya Sekuriti.

Isu (e) - Dalam Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi, Aturan 83 Kaedah 3, memang terdapat peraturan-peraturan yang melanggar Undang-undang Islam. Walaubagaimanapun Mahkamah mempunyai budi bicara untuk membuat apa-apa perubahan yang patut supaya selari dengan kehendak Islam dalam transaksi perbankan Islam.

Mahkamah mempunyai budibicara untuk tidak mengikut peraturan tersebut berdasarkan Aturan 83 Kaedah 3 (3).

Kes Dato' Hj. Nik Mahmud Bin Daud Iwn Bank Islam Malaysia Bhd (1996) 4 MLJ 295

Dalam kes ini, plaintif pada 6 Mei 1984 telah melaksanakan dua perjanjian dengan defendant. Iaitu ‘perjanjian membeli harta’ dan ‘perjanjian menjual harta’. Terdapat pembelian harta oleh defendant melalui perjanjian pertama pada harga RM520,000. Kemudiannya harta itu telah dijual semula melalui perjanjian kedua kepada plaintif dengan harga RM629,200. Kedua-dua perjanjian itu telah ditandatangani serentak. Pada 8 Mei 1984, peguam plaintif telah melaksanakan dua gadaian ke atas tanah itu memihak kepada defendant sebagai jaminan untuk pinjaman sebanyak RM629,200. Pinjaman yang dibuat itu adalah di bawah konsep perbankan Islam Al-Bai’ Bithaman Ajil. Di dalam tindakan ini, plaintif memohon untuk suatu perintah bahawa gadaian yang bertarikh 8 Mei 1984 itu, perjanjian membeli harta dan perjanjian menjual harta itu diisyitiharkan batal dan tidak sah dan tidak berkesan. Plaintiff berhujah bahawa pelaksanaan perjanjian membeli harta, perjanjian menjual harta dan dokumen gadaian itu jelasnya sama dengan satu gerak kerja untuk mengalihkan tujuan dan maksud Enakmen Tanah Rizab Melayu Kelantan 1930 dan Kanun Tanah Negara 1965. Peguam untuk defendant membangkitkan berbagai isu untuk menentang usul itu, antara lainnya, isu ketakbolehsangkalan gadaian itu di bawah seksyen 340 Kanun Tanah Negara dan tafsiran Enakmen Tanah Rizab Melayu Kelantan itu berkaitan dengan transaksi Al-Bai Bithaman Ajil.

Mahkamah telah memutuskan bahawa permohonan itu ditolak dengan hujah;

1. Seksyen 7(i) Enakmen Tanah Rizab Melayu Kelantan 1930 itu mlarang sebarang pemindahmilikan, penghantarserahan atau perletakhkan apa-apa hak atau kepentingan seorang Melayu di dalam tanah rizab kepada atau dalam mana-mana orang yang bukan Melayu. Namun demikian, apabila perjanjian membeli harta itu ditandatangani hak yang boleh diperolehi oleh defendant itu masih kena dilaksanakan, hanyalah satu hak untuk mendapat satu kepentingan yang boleh didaftarkan. Hanyalah pada masa pendaftaran yang hakmilik kepada tanah itu akan diletakkan pada defendant dan hanyalah pada masa defendant menjadi tuanpunya berdaftar yang hakmiliknya akan memperolehi ketakbolehsangkalan seperti yang diberi oleh Kanun Tanah Negara 1965. Oleh kerana tiada keterangan untuk menunjukkan pertukaran di dalam ketuanpunyaan berdaftar tanah itu berikutan pelaksanaan perjanjian membeli harta itu, plaintiff merupakan dan adalah tuanpunya berdaftar tanah itu. Dengan itu, ia bermakna bahawa pemindahmilikan tidak berlaku dan ketuanpunyaan masih kekal dengan plaintif. Tiada perletakhkan hak atau kepentingan dalam tanah itu pada defendant.
2. Pelaksanaan serentak perjanjian membeli harta dan perjanjian menjual harta itu adalah sebahagian daripada proses yang perlu di bawah prosedur perbankan Islam sebelum plaintif boleh memperolehi kemudahan-kemudahan kewangan yang disediakan oleh defendant di bawah konsep Al-Bai Bithaman Ajil. Itu adalah apa yang apa yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak. Maka, pelaksanaan perjanjian membeli harta itu tidak melanggar peruntukan seksyen 7 dan seksyen 12 Enakmen Tanah Rizab Melayu Kelantan 1930 kerana tiada sebarang urusan atau percubaan untuk berurus dengan tanah itu.
3. Di dalam kes ini, ketakbolehsangkalan hanya boleh dinafikan dengan jayanya jika terdapat keterangan yang menunjukkan bahawa pendaftaran telah diperolehi dengan ‘cara suratcara yang tidak lengkap atau tidak sah’. Ini bermakna bahawa plaintif hanya boleh berjaya menggunakan seksyen 340(2)(b) Kanun Tanah Negara 1965 itu jika boleh menunjukkan bahawa terdapat kecacatan atau penyalahan undang-undang dalam pelaksanaan dokumen gadaian itu. Satu penilitian dokumen gadaian itu di sini tidak menunjukkan apa-apa kecacatan atau kesalahan undang-undang. Dokumen gadaian itu telah didaftar mengikut prosedur seperti yang terdapat dalam Kanun Tanah Negara 1965 itu dan pendaftaran sedemikian tidak bercanggah dengan Enakmen Tanah Rizab Melayu Kelantan 1930 itu juga. Maka, tidak terdapat apa-apa dalam undang-undang dan fakta yang boleh manafikan ketidakbolehsangkalan yang diberikan oleh seksyen 340 Kanun Tanah Negara 1965 kepada gadaian itu.

6. ANALISIS KES-KES BERKAITAN UNDANG-UNDANG MUAMALAH YANG DIBICARAKAN DI MAHKAMAH SIVIL

Kes-kes yang dinyatakan di atas adalah berkaitan dengan Undang-undang Muamalah Islam. Keseluruhannya adalah melibatkan produk sistem perbankan Islam yang telah dilaksanakan di Malaysia. Berdasarkan kepada kes-kes di atas, dapat diperhatikan beberapa masalah yang timbul apabila ianya dibicarakan di Mahkamah Sivil dan bukannya di Mahkamah Syariah sebagaimana yang sepatutnya pertikaian itu diputuskan.

a. Masalah bidang kuasa mahkamah untuk memutuskan kes-kes yang melibatkan Undang-undang Muamalah Islam

Mahkamah Syariah hanya mempunyai bidang kuasa berdasarkan kepada Senarai 2, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan. Berdasarkan kepada senarai tersebut, tumpuan hanyalah diberikan kepada undang-undang diri semata-mata seperti undang-undang berkaitan dengan perkahwinan, perceraian, pusaka dan lain-lain. Undang-undang Muamalah seperti perbankan Islam adalah merupakan undang-undang komersil Islam tetapi tidak diberikan bidang kuasa kepada Mahkamah Syariah. Apabila tidak digubal undang-undang berkaitan dengan urusan Muamalah Islam ini, maka tindakan perundangan tidak akan dapat dikuatkuasakan. Perbicaraan adalah berpandukan kepada peruntukan undang-undang Sivil.

Begitu juga Mahkamah Syariah hanya boleh membicarakan kes sekiranya kes itu melibatkan orang Islam sahaja. Bank Islam adalah merupakan satu badan dan tidak dikategorikan sebagai orang.

Akta Mahkamah Kehakiman 1964 (Akta 91) yang memberikan bidang kuasa yang luas kepada Mahkamah Sivil dalam semua urusan berhubung dengan urusan sivil. Dalam hal ini, Undang-undang Muamalah Islam juga adalah tertakluk kepada Mahkamah Sivil. Manakala seksyen 3 dan seksyen 5 Akta Undang-undang Sivil 1956, telah memberikan budibicara kepada mahkamah untuk menerima pakai prinsip Undang-undang Inggeris sekiranya tidak wujud peruntukan untuk memutuskan sesuatu pertikaian berkaitan insurans, perkongsian, bank dan urusan bank dan sebagainya sekiranya tidak terdapat undang-undang bertulis mengenainya. Bolehkah prinsip-prinsip Muamalah Islam akan tertegak apabila menerima pakai Undang-undang Sivil untuk memutuskan pertikaian mengenainya? Sedangkan, kedua-dua bentuk sistem perundangan itu adalah berbeza dari segi undang-undang substantif dan juga undang-undang prosedur.

b. Masalah pemakaian Undang-undang Sivil dalam kes-kes Muamalah

Di Malaysia, Akta-akta yang mentadbir urusan transaksi Islam hanyalah Akta Bank Islam 1983 dan Akta Takaful 1984. Ini menampakkan kekurangan yang timbul untuk mentadbir secara sepenuhnya Undang-undang Muamalah Islam di Malaysia. Dalam perkara berkaitan dengan transaksi perbankan Islam, kekurangan yang wujud menyebabkan ianya masih lagi perlu mematuhi Undang-undang Sivil seperti Undang-undang Kontrak 1950, Kanun Tanah Negara 1965, Akta Jualan Barang 1957, Akta Komoditi dan lain-lain Akta yang telah dicadangkan oleh Suruhanjaya Sekuriti. Perkara ini berpunca kerana ketiadaan undang-undang berkaitan dengan sistem Muamalah Islam yang lengkap untuk dikuatkuasakan. Sekiranya Undang-undang Muamalah Islam yang lengkap digubal meliputi aspek operasi dan juga prosedurnya, maka tidak perlulah lagi bergantung kepada peruntukan-peruntukan Akta-akta Sivil yang lain.

Akta Bank Islam 1983 tidak menjelaskan Mahkamah Syariah yang akan mempunyai bidang kuasa untuk menjalankan tindakan undang-undang apabila wujudnya pertikaian-pertikaian yang melibatkan urusan transaksi di Bank Islam. Ketidaaan peruntukan nyata ini secara tidak langsung membolehkan Mahkamah Sivil mengambil tempat untuk membicarakan pertikaian-pertikaian yang berlaku.

Begitu juga keadaannya dengan Akta Takaful 1984 yang memperuntukkan bahawa tindakan undang-undang adalah di bawah bidang kuasa Mahkamah Sivil. Peruntukan ini jelas menunjukkan bahawa Mahkamah Syariah tidak boleh campurtangan dalam menyelesaikan apa jua pertikaian perundangan melibatkan urusan takaful walaupun produk insurans tersebut adalah berdasarkan kepada hukum Syarak.

Oleh kerana ketiadaan peruntukan di dalam Akta Bank Islam 1983 dan Akta Takaful 1984 yang memperuntukkan bidang kuasa Mahkamah Syariah, telah menghalang Mahkamah Syariah daripada mempunyai bidang kuasa untuk membicarakan kes-kes yang melibatkan Undang-undang Muamalah Islam. Justeru, segala urusan perundangan akan diselesaikan di Mahkamah Sivil.

c. Pertentangan prinsip antara Undang-undang Sivil dan Undang-undang Islam

Perkara penting yang perlu diperhatikan selain daripada masalah-masalah di atas ialah berkaitan dengan pertentangan prinsip perundangan antara Undang-undang Sivil dan Undang-undang Islam. Persoalan ini timbul kerana kedua-dua bentuk undang-undang tersebut mempunyai prinsip yang berbeza. Pertikaian berhubung dengan perundangan Islam, maka tempat untuk menyelesaikannya adalah di Mahkamah Syariah dan bukannya di Mahkamah Sivil. Seandainya pertikaian berhubung dengan undang-undang Muamalah dibicarakan di Mahkamah Sivil, sudah pastilah akan berbeza prinsip perundangannya. Ini kerana perbicaraan di Mahkamah Sivil adalah berpandukan kepada peruntukan Undang-undang Sivil dan bukannya peruntukan Undang-undang Islam.

Contohnya apabila melibatkan kontrak sewaan (*Uqud al-Ijarah*). Perbezaan wujud dari aspek bebanan menanggung risiko dan liabiliti. Berdasarkan kepada prinsip di bawah Undang-undang Sivil, penyewa yang bertanggungjawab terhadap harta yang disewa olehnya itu. Namun jika berdasarkan kepada hukum Syarak, bebanan dan tanggungjawab terhadap harta tersebut adalah terletak kepada pemilik harta dan bukannya penyewa. Jadi di sini, jelas memperlihatkan perbezaan liabiliti yang tidak memungkinkan undang-undang Muamalah ini dibicarakan di Mahkamah Sivil melainkan jika peruntukan Undang-undang Islam diguna pakai.

Begitu juga melalui skim sewa beli atau *al-Ijarah Thumma al-Bai'* (AITAB). Perlaksanaan skim ini adalah dengan menggabungkan dua kontrak yang berlainan sifatnya iaitu kontrak sewa dan juga jualan dalam satu dokumen perniagaan. Dari perspektif akad, terdapat dua kontrak yang akan dijalankan antara pihak institusi kewangan dengan pelanggan iaitu kontrak sewa dan kemudiannya kontrak jual beli yang akan dibuat di masa hadapan. Pihak pelanggan akan menandatangani surat tawaran yang menyatakan persetujuannya untuk menyewa sesuatu aset berdasarkan syarat-syarat yang ditetapkan dan juga bersetuju untuk membeli aset tersebut pada masa hadapan dengan syarat tertentu. Pembentukan kontrak ini adalah berdasarkan kepada Akta Sewa Beli 1967 kerana sebuah akta Islam berhubung dengan sewa beli masih belum diadakan lagi.

Persoalannya, bagaimana sekiranya berlaku kerosakan ke atas barang yang terlibat dalam kontrak AITAB ini? Siapakah bertanggungan? Dalam dalam skim AITAB, pihak syarikat kewangan sebagai pemilik aset tidak lagi bertanggungjawab ke atas aset tersebut sebaliknya pelanggan yang bertanggungjawab. Mereka dikehendaki mendapatkan perlindungan insurans atau takaful sedangkan mengikut prinsip hak dan liabiliti dalam kontrak sewa, segala liabiliti berhubung keselamatan aset sewaan adalah tertanggung di atas pemilik aset dan bukannya ke atas penyewa tersebut. Begitu juga persetujuan pihak pelanggan atau penyewa untuk menanggung kos insurans atau takaful bagi barang yang disewanya itu adakah sudah mencukupi untuk menjadikan kontrak itu sah dan bertepatan dengan kehendak hukum Syarak?

7. SARANAN PENAMBAHBAIKAN UNDANG-UNDANG MUAMALAH DI MALAYSIA

Undang-undang Muamalah yang berjalan di Malaysia masih di tahap yang memerlukan kepada penambahbaikan terutamanya melibatkan aspek perundangan. Kekurangan-kekurangan yang wujud boleh diperbaiki dan dikemaskini melalui beberapa cara;

a. Perluasan Bidang Kuasa Perundangan

Skop bidang kuasa perundangan Islam menurut Perlembagaan Persekutuan sangatlah terhad dan hanya meliputi undang-undang diri semata-mata. Bidang kuasa berkaitan Muamalah tidak diperuntukkan. Skop bidang kuasa ini perlu diperluaskan meliputi Muamalah khususnya dan seluruh aspek perundangan Islam amnya. Seperti undang-undang perkahwinan Islam yang meliputi aspek undang-undang substantif dan prosedur dengan berlandaskan kepada hukum Syarak sepenuhnya. Dengan cara ini, Undang-undang Muamalah Islam juga akan dapat diperaktikkan dengan sepenuhnya meliputi aspek undang-undang substantif dan prosedur dengan berlandaskan kepada hukum Syarak.

b. Perluasan Bidang Kuasa Mahkamah Syariah

Perluasan bidang kuasa Mahkamah Syariah adalah bergantung rapat dengan perluasan bidang kuasa yang diberikan oleh Perlembagaan Persekutuan. Ini adalah kerana bidang kuasa Mahkamah Syariah adalah berdasarkan kepada hal ehwal berkaitan dengan agama Islam sebagaimana yang diperuntukkan oleh Perlembagaan Persekutuan. Ianya mestilah selari. Mahkamah Syariah perlu diluaskan bidang kuasanya dengan meliputi aspek undang-undang Muamalah Islam. Justeru, Mahkamah Syariah akan berupaya untuk memutuskan segala pertikaian yang wujud di dalam undang-undang Muamalah dan tidak lagi tertakluk

kepada Mahkamah Sivil. Begitu juga, rujukan yang akan dilakukan sudah pastilah akan berdasarkan kepada hukum Syarak melalui kebijaksaan para hakim Syarie yang sememangnya mempunyai kepakaran dalam undang-undang Islam.

Dalam hal ini, perlu juga diberi perhatian bahawa bidang kuasa Mahkamah Syariah adalah berdasarkan kepada kerajaan-kerajaan negeri dan ianya tidak berpusat. Penulis berpendapat berpendapat bahawa pihak kerajaan pemerintah perlulah mengambil langkah tertentu dengan menjadikan bidang kuasa Mahkamah Syariah berpindah kepada bidang kuasa Persekutuan. Ini penting dan membolehkan hirarki Mahkamah Syariah dibentuk seperti Mahkamah Sivil dan menjadikan keputusan-keputusannya akan mengikat.

c. Penjelasan Bidang Kuasa Mahkamah Sivil dalam Undang-undang Muamalah

Merujuk kepada Akta Mahkamah Tinggi 1964 yang memberikan hak kepada Mahkamah Sivil untuk menjalankan tindakan undang-undang berkaitan dengan semua urusan sivil, perlulah dilihat kembali. Apabila melibatkan soal undang-undang Islam terutamanya dalam konteks Undang-undang Muamalah Islam ianya perlulah dikecualikan dan diberikan bidang kuasa tersebut kepada Mahkamah Syariah. Ini penting kerana urusan itu adalah urusan melibatkan sistem perundangan Islam. Mahkamah Syariah yang sewajarnya menjadi tempat untuk memutuskan sebarang pertikaian. Justeru Mahkamah Sivil tidak lagi menjadi tempat rujukan apabila memutuskan kes-kes berkaitan dengan undang-undang Muamalah Islam.

d. Penggubalan dan Perlengkapan Akta-akta Undang-undang Muamalah

Jika diteliti perjalanan undang-undang Muamalah Islam di Malaysia, menampakkan sedikit kekurangan kepada undang-undang yang telah sedia ada apabila dalam memutuskan kes-kes berkaitan terpaksa dirujuk kepada peruntukan undang-undang Sivil seperti rujukan kepada Akta Kontrak 1950, Akta Sewa Beli 1956 dan Akta Syarikat 1965. Sedangkan di dalam Undang-undang Islam perkara berkaitan dengan undang-undang kontrak, sewa beli dan syarikat ini memang telah wujud. Namun, ianya tidak digubal secara resmi dalam konteks perundangan negara Malaysia. Kesannya ialah keputusan yang berbeza akan timbul dalam memutuskan kes jika berdasarkan kepada undang-undang Sivil. Justeru, undang-undang berkaitan dengan Muamalah Islam seperti undang-undang kontrak Islam perlulah digubal dan seterusnya membolehkan urusan Muamalah dapat diputuskan dengan hukum Syarak yang sebenarnya.

Manakala Akta Bank Islam 1983 dan Akta Takaful 1984, perlulah diteliti semula untuk menampung kekurangan yang wujud di dalamnya. Ini adalah bertujuan untuk menjadikan akta tersebut sebagai sebuah akta yang lengkap dan tidak akan dipertikaikan lagi. Tidak ada gunanya sekiranya akta tersebut terdapat kekurangan, tetapi tidak ada langkah susulan diambil untuk membaik pulih kekurangan yang ada itu.

e. Pengecualian Pemakaian Akta Undang-undang Sivil 1956

Seksyen 3 dan 5 Akta Undang-undang Sivil 1956 memberikan budibicara kepada mahkamah untuk menerima pakai atau tidak Undang-undang Inggeris dalam hal-hal yang tidak diperuntukkan undang-undang mengenainya. Namun penulis berpendapat bahawa dalam hal berkaitan dengan urusan Muamalah Islam, adalah lebih wajar peruntukan itu tidak digunakan. Ini adalah kerana prinsip perundangan bagi kedua-dua bentuk undang-undang itu adalah berbeza. Sekiranya digunakan juga, natijah atau kesan perundangan yang akan timbul pastilah akan berbeza. Maka, dalam hal Muamalah, hanya hukum Syarak yang akan menentukannya.

8. KESIMPULAN

Tidak dinafikan bahawa sistem muamalah Islam telah berkembang maju dan mampu menyaingi sistem kewangan konvensional di Malaysia. Undang-undang Muamalah yang berjalan di Malaysia hanya menitikberatkan soal operasinya sahaja berdasarkan kepada hukum Syarak, tetapi tidak dalam aspek perundangannya yang berdasarkan kepada Undang-undang Sivil. Secara tidak langsung ini akan memperlihatkan bahawa sistem perundangan Islam itu tidak lengkap sebagaimana sistem perundangan sivil. Sedangkan sistem perundangan Islam atau Syariat Islam yang diturunkan oleh Allah Ta’ala itu telah lengkap meliputi seluruh aspek kehidupan manusia. Termasuklah juga Undang-undang Muamalah Islam yang telah lengkap dari aspek substantif dan juga prosedurnya. Adalah sesuatu yang menyalahi hukum Syarak sekiranya diambil sebahagian sahaja daripada hukum Muamalah tersebut tetapi meninggalkan sebahagiannya.

Justeru, perkara ini perlulah diberi perhatian dan langkah-langkah yang sewajarnya hendaklah diambil untuk menjadikan Undang-undang Muamalah Islam yang berkuatkuasa di Malaysia tidak hanya menumpukan aspek operasinya sahaja berlandaskan kepada hukum Syarak, namun aspek perundangan juga mestilah berdasarkan kepada hukum Syarak. Dengan itu, akan lengkaplah Undang-undang Muamalah yang berkuatkuasa di Malaysia sebagai Undang-undang Muamalah Islam yang sebenar berteraskan kepada Syariat Islam sebagai agama yang mencakupi seluruh aspek kehidupan insan.

Penulis meletakkan harapan yang tinggi agar bidang Muamalah ini akan terus dikaji oleh para juris perundangan Islam terutamanya melibatkan soal perundangan hinggahal Undang-undang Muamalah Islam yang dipraktikkan adalah berlandaskan kepada hukum Syarak sepenuhnya. Insya-Allah.

BIBLIOGRAFI

- Abdul Aziz Bari. 2000. *Islam In The Federal Constitution*. *The Malayan Law Journal*. 2.
- Abdul Hamid Bin Haji Mohamad. 2002. *Civil And Syariah Courts In Malaysia : Conflict of Jurisdictions*. *The Malayan Law Journal*. 1
- Abdul Karim Zaidan. 1989. *al-Madkhāl li Dirasat al-Syariat al-Islamiyyah*. Beirut : Muassasah al-Risalat.
- Abu Bakar Abdullah. 1986. *Ke Arah Perlaksanaan Undang-undang Islam Di Malaysia : Masalah Dan Penyelesaiannya*. Terengganu : Pustaka Damai.
- Ahmad Hidayat Buang. 1998. *Undang-undang Islam di Mahkamah-mahkamah Syariah di Malaysia*. Kuala Lumpur : Jabatan Syariah dan Undang-undang, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Ahmad Mohamed Ibrahim. 1994. *Al-Ahkam - Islam Dalam Perlembagaan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Mohamed Ibrahim. 1995. *Al-Ahkam – Undang-undang Malaysia Kini*. Jilid 1. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Mohamed Ibrahim. 1997. *Pentadbiran Undang-undang Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur : Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).
- Azlan Khalili Shamsuddin. 2000. *Riba Alternatifnya Dalam Sistem Bank Islam*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Chatterjee. 2000. *Method of Research in Law*. London : Butterworth.
- Fakulti Undang-undang Universiti Malaya. 1988. *Makalah Undang-undang Menghormati Ahmad Ibrahim*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jawatankuasa Penyelidikan dan Penerbitan. 1993. *Monograf Syariah - Pengenalan Ilmu-ilmu Syariah*. Kuala Lumpur : Fakulti Syariah Akademi Islam, Universiti Malaya.
- Joni Tamkin Borhan. Julai 1999. *Bank Islam Malaysia Berhad : Some Issues, Problems and Its Prospects in the Future*. *Jurnal Syariah*. Jilid 7. Bil. 2. Kuala Lumpur : Bahagian Pengajian Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Journal of the Malaysian Institute of Accountants. 2000. *Akauntan Nasional*. Kuala Lumpur : Malaysian Institute of Accountants.
- M.B. Hooker. 1991. *Undang-undang Islam di Asia Tenggara*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mahamad Arifin (ed). 2000. *Al-Ahkam - Undang-undang Kontrak – Dasar, Konsep dan Masalah*. Jilid 7. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mahmood Zuhdi Abd. Majid. 1997. *Pengantar Undang-undang Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur : Penerbit Universiti Malaya.

- Mahmud Saedon A. Othman. 1998. *Institusi Pentadbiran Undang-undang dan Kehakiman Islam*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohamed Ismail Shariff. 1998. The Development Of Islamic Banking Law In Malaysia. *The Malayan Law Journal*. 1.
- Mohamed Ismail Shariff. 1998. The Development of Islamic Banking Law In Malaysia. *The Malayan Law Journal*. 1.
- Mohd Illiayas. 1995. Islamic/Interest-Free Banking In Malaysia : Some Legal Considerations. *The Malayan Law Journal*. 3.
- Mohd. Daud Bakar. 1997. Aspek-aspek Pembentukan Projek dalam Amalan Perbankan Islam, *Jurnal Syariah*. Jilid 5. Bil. 2. Kuala Lumpur : Bahagian Pengajian Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Norhashimah Mohd Yasin. 1997. Islamic Banking : Case Commentaries Involving Al-Bay' Bithaman Ajil. *The Malayan Law Journal*. 3.
- Samsar Kamar Bin Hj Ab Latif. 1997. Legal Aspects of Interest-Free Banking In Malaysia. *The Malayan Law Journal*. 2.
- Sudin Haron dan Bala Shanmugam. 1997. *Islamic Banking System – Concepts & Application*. Selangor : Pelanduk Publication.
- Sudin Haron. 1996. *Prinsip dan Operasi Perbankan Islam*. Kuala Lumpur : Berita Publishing Sdn. Bhd.
- Wu Min Aun. 1981. *Pengenalan Kepada Sistem Perundangan Malaysia*. Selangor : Longman Malaysia Sdn. Bhd.